



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Maklumat Umum berkenaan SICA



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

[03 8324 4801](tel:0383244801)

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Apakah Cabaran Impak Sosial (SICA)?

Pemangkin Cabaran Impak Sosial (“SICA”) merupakan program pemangkin tersuai yang menyediakan capaian kepada pereka berpotensi untuk penyempurnaan, pendanaan dan peluang untuk meningkatkan penyelesaian berimpak bagi menangani satu siri cabaran sosial dan/atau persekitaran. Untuk maklumat lanjut, [sila layari laman web SICA](#).

Bagaimanakah SICA akan dilaksanakan?

SICA menerimaguna pendekatan secara menyeluruh untuk meningkatkan keberkesanan dalam penerimagunaan penyelesaian berpotensi tinggi yang mempunyai impak boleh kormesilkan dalam pasaran. SICA akan menjalankan tiga (3) fasa seperti berikut:

Fasa 1 Cabaran Impak

Permohonan untuk satu siri Cabaran Impak akan dibuka. Setiap cabaran dalam siri tersebut perlu mempunyai pernyataan masalah unik yang ditaja oleh rakan kerjasama MaGIC. Permohonan untuk setiap Cabaran Impak terbuka kepada orang ramai supaya penyelesaian berpotensi tinggi diperolehi untuk menyelesaikan pernyataan masalah yang telah dikenal pasti dan seterusnya membuka peluang untuk memacu penyelesaian yang dipilih untuk dikembangkan.

Fasa 2 Program Pemangkin Impak (*Impact Accelerator*)

Pemenang yang terpilih daripada setiap Cabaran Impak akan menyertai Program Pemangkin Impak bersasar yang sesuai dengan kandungan pembangunan yang telah diselaraskan untuk menyempurnakan dan menghasilkan model impak yang berpotensi untuk dikembangkan. Setelah selesai, peserta akan membuat pembentangan pada *Demo Day* kepada penaja pernyataan masalah dan panel pelabur dan jemputan.

Fasa 3 Sokongan Pasca Pemangkin

Peserta yang berpotensi tinggi akan menerima program skim galakan yang tersusun serta sokongan daripada MaGIC dan penaja pernyataan masalah kepada cabaran yang telah dipilih untuk meningkatkan penerimagunaan pasaran bagi penyelesaian mereka. Program sokongan tersusun merangkumi capaian kepada pendanaan dan peluang rangkaian.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

[03 8324 4801](tel:0383244801)

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Bagaimanakah saya boleh menyertai program SICA?

Semua pemohon akan melalui tiga (3) fasa berikut:

- **Fasa 1 Cabaran impak**

Anda akan memilih satu Cabaran Impak dengan pernyataan masalah yang akan diselesaikan dengan menggunakan penyelesaian anda yang sesuai dengan pasaran sedia ada. Setelah penyelesaian dikenal pasti, hantar permohonan anda dengan memilih Cabaran Impak yang anda ingini. Jika permohonan anda berjaya, organisasi anda akan dijemput untuk membentangkan idea/ penyelesaian kepada panel pakar dan penaja pernyataan masalah pada Hari Pembentangan Cabaran Impak. Setelah berjaya, anda akan mendapat hadiah cabaran seperti yang dinyatakan untuk Cabaran impak yang dipilih. Untuk maklumat lanjut, sila layari [laman web SICA](#).

- **Fasa 2 Program Pemangkin Impak**

Setelah memenangi satu Cabaran Impak, organisasi anda atau ahli kumpulan terpilih akan dijemput oleh MaGIC untuk menyertai Pemangkin Impak. Komitmen penglibatan anda untuk menyertai program ini akan dicatat dan kehadiran anda akan direkod. Pada *Demo Day*, organisasi anda akan dijemput untuk membuat pembentangan akhir mengenai penyelesaian yang telah dipertingkatkan atau diperkembangkan kepada para pelabur, penaja pernyataan masalah dan panel jemputan.

- **Fasa 3 Sokongan Pasca Pemangkin**

Organisasi anda mungkin dipilih untuk menerima Sokongan Pasca Pemangkin oleh penaja pernyataan masalah berdasarkan kepada prestasi anda semasa *Demo Day*. Sokongan Pasca Pemangkin merangkumi pelaburan, geran, penerimgunaan dan/ atau sokongan. Untuk maklumat lanjut, sila layari [laman web SICA](#). Setelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, organisasi anda juga akan mendapat sokongan tambahan yang telah disediakan oleh MaGIC dan/ atau rakan kerjasama MaGIC untuk pembinaan kapasiti, pasaran dan peluang rangkaian.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Siapakah yang boleh menyertai program SICA?

Fasa 1 Cabaran Impak

Anda layak memohon jika organisasi anda memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk Cabaran Impak yang dipilih. Secara umum, kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

- Organisasi berdaftar secara sah yang mempunyai penyelesaian/ idea yang mencetuskan impak dalam Malaysia dan berkaitan dengan pernyataan masalah yang telah dikenal pasti
- Mesti mempunyai model perniagaan berteraskan komersial, organisasi bukan berasaskan keuntungan (NPOs) tidak layak untuk memohon
- Mempunyai Produk Berdaya Maju Minimum atau telah diuji dalam pasaran/ prototaip yang telah diuji dan bersedia untuk dilancarkan
- Mempunyai rekod prestasi samada kewangan atau komersial sekurang-kurangnya selama 12 bulan
- Pasukan yang mantap dengan ahli yang mempunyai pelbagai kemahiran dan sekurang-kurangnya 3 ahli dalam kumpulan adalah seorang pengasas dan 2 orang lagi mempunyai peranan yang penting dalam kumpulan.
- Mempunyai bukti yang kukuh untuk potensi peningkatan impak

Setiap Cabaran mempunyai kriteria yang lebih terperinci. Sila layari laman web setiap Cabaran Impak untuk mengetahui kriteria penuh yang telah ditetapkan oleh Penaja pernyataan masalah'

Fasa 2 Program Pemangkin Impak

Anda layak untuk menyertai Program Pemangkin Impak sekiranya organisasi anda :

- Terpilih sebagai pemenang dalam Fasa 1 Cabaran Impak dan dicadangkan oleh penaja pernyataan masalah untuk menyertai Fasa 2.
- Memperolehi jemputan eksklusif daripada MaGIC untuk penyertaan sebagai sebahagian daripada sebarang kerjasama yang diaturkan dengan rakan kerjasama MaGIC.

Fasa 3 Sokongan Pasca Pemangkin

Tiada kelayakan yang dinyatakan untuk fasa ini kerana ia bergantung kepada prestasi anda semasa *Demo Day*.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Siapakah penaja pernyataan masalah?

Penaja pernyataan masalah adalah rakan kerjasama yang bekerjasama dengan MaGIC untuk menganjurkan Cabaran Impak yang mengandungi masalah, cabaran atau isu sosial dan/ atau persekitaran tertentu yang dihadapi oleh organisasi rakan kerjasama. Peserta yang telah memenangi Cabaran Impak dan menyempurnakan Program Pemangkin Impak akan layak memperolehi inkubasi langsung, penerimgunaan dan/ atau sokongan daripada penaja pernyataan masalah selepas *Demo Day*.

Kenapakah saya patut menyertai program SICA?

Program SICA menyasarkan kepada pemacuan penyelesaian berinovatif untuk menyelesaikan masalah sebenar yang dihadapi oleh penaja pernyataan masalah SICA. Ia bertujuan untuk memadankan penyelesaian yang sesuai, praktikal dan berpotensi daripada anda untuk cabaran sosial dan/ atau persekitaran yang telah dikenal pasti dengan inkubasi langsung, penerimgunaan dan/ atau sokongan daripada penaja pernyataan masalah. Seterusnya, ia dapat meningkatkan daya maju dan kebolehan skala penyelesaian tersebut untuk jangka masa yang panjang dan penghasilan impak yang mampan.

Pemenang terpilih daripada Cabaran impak akan mendapat capaian eksklusif kepada Program Pemangkin Impak dan berpeluang untuk mendapat sokongan pasca program pemangkin daripada penaja pernyataan masalah yang membolehkan penyelesaian anda digunapakai atau ditingkatkan lebih cepat.

Bagaimanakah Program SICA mengukur kejayaan?

Tujuan SICA adalah untuk meningkatkan kadar penembusan pasaran terhadap sesuatu penyelesaian yang berpotensi tinggi dan mempunyai impak boleh dikomersilkan. Disamping itu, SICA juga membina saluran untuk mengenalpasti bakat yang boleh menghasilkan model perniagaan yang mantap dan berasaskan kumpulan sasaran. Pengukuran utama SICA terhadap kejayaan adalah berasaskan jumlah penyelesaian yang digunapakai dan disokong oleh penaja pernyataan masalah SICA.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Saya berada pada peringkat awal pembangunan produk dan perniagaan. Adakah saya patut menyertai program SICA?

Mungkin terlalu awal untuk anda menyertai program SICA.

Anda mungkin boleh menyertai program *Bootcamps* di MaGIC untuk mengukuhkan pelan dan strategi perniagaan anda.

Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai program SICA?

Terima kasih berminat terhadap program SICA. Sila hantar email kepada socialimpact@mymagic.my dan pasukan SICA akan menjawab email anda dalam tempoh tiga (3) hari waktu bekerja.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Fasa 1 Cabaran Impak



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Bagaimanakah saya boleh menyertai Cabaran Impak?

Anda boleh memilih satu Cabaran Impak berdasarkan pernyataan masalah yang boleh ditangani atau diselesaikan oleh organisasi anda dengan menggunakan penyelesaian sedia ada yang bersesuaian dengan pasaran. Selepas penyelesaian tersebut dikenal pasti, hantar permohonan anda untuk Cabaran Impak yang dipilih. Jika permohonan anda berjaya, organisasi anda akan dijemput untuk menghadiri Hari Pembentangan Cabaran Impak bagi membentangkan idea/ penyelesaian anda di hadapan panel pakar dan penaja pernyataan masalah. Setelah memenangi pembentangan, anda akan menerima hadiah cabaran seperti yang dinyatakan bagi Cabaran Impak tersebut. Sila layari [laman web SICA](#) untuk mendapatkan maklumat lanjut dan pautan borang permohonan.

Anda layak memohon jika organisasi anda memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam Cabaran Impak yang dipilih. Secara umum, kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

- Organisasi yang berdaftar secara sah yang mempunyai penyelesaian/ idea yang memberi impak dalam Malaysia dan relevan dengan pernyataan masalah yang dikenal pasti.
- Mesti mempunyai model perniagaan komersial, organisasi yang tidak berasaskan keuntungan tidak layak memohon.
- Mesti mempunyai Produk Berdaya Saing Minima atau telah diuji dalam pasaran/ prototaip yang telah dibuktikan dan tersedia untuk dilancarkan
- Mempunyai rekod prestasi samada kewangan atau komersial selama sekurang-kurangnya 12 bulan
- Mempunyai sebuah pasukan mantap yang mempunyai pelbagai kemahiran dan sekurang-kurangnya 3 ahli kumpulan termasuk seorang pengasas dan 2 orang ahli yang mempunyai peranan penting dalam kumpulan.
- mempunyai bukti potensi yang kuat untuk meningkatkan impak.

Setiap Cabaran Impak mungkin mempunyai kriteria kelayakan tambahan. Sila layari laman web Cabaran Impak berkenaan untuk kriteria penuh yang telah ditetapkan oleh penaja pernyataan masalah.

Penyertaan tidak melibatkan sebarang kos. Sila semak Terma & Syarat sebelum menghantar permohonan anda dan anda dikehendaki menyatakan anda telah membaca dan memahami dokumen tersebut.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

[03 8324 4801](tel:0383244801)

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Bagaimanakah permohonan saya boleh disenarai-pendekkan untuk Cabaran Impak?

Sebaik sahaja tempoh permohonan ditutup, penaja pernyataan masalah bersama dengan panel pakar akan menilai semua permohonan untuk menyenarai-pendekkan sekurang-kurangnya 10 permohonan untuk menyertai Hari Pembentangan Cabaran Impak. Secara umumnya, permohonan akan dinilai berdasarkan perkara berikut, tetapi tidak terhad kepada:

- Kualiti permohonan;
- Inovasi berkaitan (produk atau perkhidmatan);
- Rekod pencapaian untuk bukti konsep atau kewangan; dan
- Kebolehlaksanaan penyelesaian/ aplikasi kepada rakyat Malaysia;

Peserta yang telah disenarai-pendek akan dihubungi dan dikehendaki menerima jemputan untuk menghadiri Hari Pembentangan Cabaran Impak dalam tempoh 3 hari bekerja. Jika mereka gagal untuk berbuat demikian, peluang mereka akan diberikan kepada projek terbaik yang seterusnya.

Semua permohonan yang dihantar mestilah memenuhi tema cabaran. Projek yang tidak memenuhi syarat akan ditolak.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

[03 8324 4801](tel:0383244801)

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Bagaimanakah pembentangan saya dinilai pada Hari Pembentangan Cabaran Impak?

Senarai pendek pemohon yang dijemput ke Hari Pembentangan Cabaran Impak akan dinilai berdasarkan kriteria penilaian berikut tetapi tidak terhad kepada:

1. Impak
 - Penyelesaian bertumpukan kepada tema/ masalah yang dinyatakan dalam Cabaran.
 - Keaslian dan daya pembaharuan penyelesaian.
 - Cadangan untuk mengukur dan memantau impak.
2. Kebolehlaksanaan
 - Penyelesaian boleh digunakan di kawasan luar bandar dan bandar dalam Malaysia.
 - Teknologi yang dicadangkan adalah terkini dengan infrastruktur yang sedia ada.
 - Penyelesaian boleh digunapakai atau boleh dikembangkan dengan mudah.
3. Daya maju Komersial
 - Penyelesaian memenuhi permintaan dan keperluan pasaran sasaran yang khusus.
 - Terdapat faktor pelaris yang unik untuk membezakan mereka dengan para pesaing.
 - Pelan kewangan yang komprehensif untuk mengekalkan syarikat.
4. Pasukan
 - Pasukan mempunyai pengalaman dan/ atau kebolehan yang diperlukan untuk berjaya.
 - Mereka menunjukkan pengetahuan pasaran yang relevan serta minat, kreativiti, daya pembaharuan dan kaya sumber.
5. Pembentangan
 - Pembentangan yang jelas dan meyakinkan.
 - Pasukan menarik perhatian penonton, mempunyai kemahiran mengendalikan bahan pembentangan, dan boleh menjawab soalan dengan berkesan.

Kriteria penilaian tambahan akan digunakan berdasarkan kepada Impak Cabaran yang dipilih. Untuk mengetahui maklumat lanjut, sila layari laman web Impak Cabaran yang dipilih.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Siapakah panel hakim pada Hari Pembentangan Impak Cabaran?

Hakim akan dipilih dari para penaja penyataan masalah dan panel hakim yang dijemput secara eksklusif untuk Hari Pembentangan Cabaran Impak.

Apakah yang boleh saya jangkakan pada Hari Pembentangan Cabaran Impak?

Hari Pembentangan Cabaran Impak akan diadakan secara maya melalui satu platform yang akan dikenal pasti kemudian. Acara ini hanya dihadiri pemohon yang telah disenarai-pendek, hakim dan rakan kerjasama jemputan. Pemohon yang telah disenarai-pendek akan dihubungi melalui platform terpilih dan maklumat terperinci akan diberikan.

Semasa Hari Pembentangan Cabaran Impak, pemohon yang telah disenarai-pendek akan membuat pembentangan secara langsung atau menyediakan rakaman pembentangan, diikuti dengan sesi soal-jawab selama 5 minit. Harap maklum, format dan tempoh masa pembentangan dan sesi soal-jawab mungkin berbeza mengikut Cabaran Impak yang dipilih. Sila semak maklumat terperinci di laman web Cabaran Impak yang telah dipilih.

Sekiranya acara diadakan secara fizikal, Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID akan dipatuhi bagi memastikan penjarakan sosial. Bagi acara ini, pemohon yang telah disenarai-pendek akan membuat pembentangan secara langsung di hadapan hakim.

Apakah hadiah untuk Cabaran Impak?

Setiap Cabaran Impak mempunyai tema dan hadiah cabaran yang unik. Untuk maklumat lanjut, sila layari [lawan web SICA.](#)



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

[03 8324 4801](tel:0383244801)

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Apakah tarikh-tarikh penting untuk Cabaran Impak?

Sila layari [laman web SICA](#) untuk maklumat lanjut berkenaan garis masa untuk setiap Cabaran Impak. Secara umum, Fasa 1 Cabaran Impak akan selesai selewat-lewatnya pada 31 Julai 2021.

Apakah kewajipan saya sebagai peserta?

Setelah permohonan dihantar, peserta bersetuju untuk melakukan perkara-perkara berikut:

- Bersedia untuk menjawab panggilan penjelasan semasa penilaian permohonan untuk disenarai-pendekkan bagi Hari Pembentangan Cabaran Impak
- Pemohon yang disenarai-pendek bersedia untuk menyertai acara rangkaian 1-hari jika ia diadakan, di mana pemohon akan bertemu dengan pakar dalam industri dan menerima nasihat daripada mereka sebelum Hari Pembentangan.
- Setelah pemilihan dan pemberitahuan, hadiri Hari Pembentangan Cabaran Impak yang dianjurkan pada tarikh yang ditetapkan dan sertai agenda program tersebut.
- Terima semua terma dan syarat untuk penyertaan dalam Cabaran Impak yang telah dipilih.

Adakah sebarang penarikbalikan terhadap Cabaran Impak?

MaGIC dan/ atau penaja pernyataan masalah mempunyai hak untuk tidak membenarkan dan membatalkan permohonan pada bila-bila masa jika terdapat maklumat atau bukti yang mengesahkan bahawa:

- Pemberian maklumat yang salah dengan sengaja semasa permohonan dibuat;
- Penglibatan aktiviti penipuan atau pengubahan wang haram; dan/ atau
- Percanggahan yang besar atau perubahan yang ketara daripada objektif dan hasil yang dinyatakan semasa permohonan dibuat.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Adakah maklumat saya selamat?

Maklumat yang berikan dalam permohonan anda hanya dikongsikan dengan pihak berikut:

- MaGIC, penaja pernyataan masalah dan rakan kerjasama kami
- Panel pakar dan hakim yang dijemput secara eksklusif untuk Cabaran Impak

Selepas permohonan yang mengandungi maklumat peribadi dihantar, pemohon juga hendaklah menyatakan bahawa semua maklumat yang telah diberikan adalah betul dan tepat. Pemberian sebarang maklumat yang salah akan menyebabkan penarikan kelayakan permohonan. Semua permohonan dan penghantaran permohonan adalah sulit dan diproses hanya untuk tujuan Cabaran Impak sahaja.

Adakah sebarang sumber lain disediakan?

Sertai webinar kami di mana anda boleh mengemukakan soalan kepada kami dan mengikuti proses permohonan setiap Cabaran Impak. Untuk maklumat lanjut, sila layari [laman web SICA](#).



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Fasa 2 Program Pemangkin Impak



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

[03 8324 4801](tel:0383244801)

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Apakah Program Pemangkin Impak?

Pemangkin Impak (*Impact Accelerator*) adalah salah satu program SICA. Ia adalah program pembinaan kapasiti tersusun yang bertujuan untuk meningkatkan penyelesaian berimpak dan seterusnya dapat meningkatkan penerimgunaan pasaran terhadap penyelesaian tersebut. Ia mempunyai kandungan dan kurikulum tersuai bagi memastikan hasil pembelajaran difokuskan kepada penyempurnaan model penyampaian impak, penerimgunaan teknologi untuk skalabiliti impak serta peningkatan daya maju kewangan. Pemenang dari Cabaran Impak akan dijemput untuk menyertai Pemangkin Impak.

Berapa lamakah Program Pemangkin Impak akan berlangsung?

Ia dijalankan selama lebih kurang tiga (3) bulan, bermula dari bulan Ogos dan dijangka tamat dalam bulan Oktober.

Apakah modul-modul utama Program Pemangkin Impak?

Modul-modul utama adalah seperti berikut:

- Peningkatan impak
- Pengurusan dan pengukuran impak
- Kesediaan pelaburan impak
- Kesediaan Teknologi

Bolehkah saya dapatkan agenda Program Pemangkin Impak?

Agenda Program Pemangkin impak tidak boleh didapati secara terbuka tetapi anda akan menerimanya semasa orientasi.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Bagaimanakah saya boleh menyertai Program Pemangkin Impak?

Selepas memenangi Cabaran Impak, MaGIC akan menjemput organisasi anda atau ahli pasukan yang telah dipilih untuk menyertai Program Pemangkin Impak. Komitmen penglibatan anda untuk menyertai program ini akan dicatat dan kehadiran anda akan direkod. Pada *Demo Day*, organisasi anda akan dijemput untuk membuat pembentangan akhir mengenai penyelesaian yang telah dipertingkatkan atau diperhalusi kepada para pelabur, penaja penyataan masalah dan panel jemputan.

Anda layak untuk menyertai Program Pemangkin Impak sekiranya organisasi anda :

- Terpilih sebagai pemenang dalam Fasa 1 Cabaran Impak dan dicadangkan oleh penaja penyataan masalah untuk menyertai Fasa 2.
- Memperolehi jemputan eksklusif daripada MaGIC untuk penyertaan sebagai sebahagian daripada sebarang kerjasama yang diaturkan dengan rakan kerjasama MaGIC.

Apakah penglibatan saya dalam Program Pemangkin Impak?

Semua peserta Pemangkin Impak dikehendaki melibatkan diri dalam perkara berikut, tetapi tidak terhad kepada:

- Sekurang-kurangnya 3 ahli pasukan atau wakil menyertai Pemangkin Impak, termasuk seorang pengasas atau pengasas bersama;
- Melengkapkan program atas talian yang disusun oleh MaGIC secara sepenuh masa selama 3 bulan berturut-turut;
- Setiap organisasi yang menyertai Pemangkin Impak hendaklah mempunyai rekod kehadiran sekurang-kurangnya 80%;
- Menghadiri kelas dan bengkel seperti yang telah ditetapkan oleh MaGIC, termasuk minggu orientasi; dan
- Melengkapkan jam bimbingan dari mentor seperti yang telah ditetapkan oleh MaGIC.

Peserta akan diberikan dokumen perjanjian penyertaan dengan maklumat yang lengkap sebelum menyertai Pemangkin Impak.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Adakah *Demo Day* akan dianjurkan?

Ya, Program Pemangkin Impak akan diakhiri dengan *Demo Day* selama sehari di mana anda akan membuat pembentangan kepada penaja penyataan masalah, pelabur dan jemputan lain melalui platform akan dikenal pasti oleh MaGIC.

Bolehkah saya membuat perubahan (menambah/ mengganti) ahli pasukan walaupun selepas diterima ke dalam Program Pemangkin Impak?

Jika anda memaklumkan kepada pihak kami sebelum tarikh akhir, anda boleh mengisi borang permintaan menambah/ mengganti ahli pasukan. Kami akan menilai permohonan tersebut sebaik sahaja borang diterima dan anda akan dimaklumkan setelah keputusan dibuat.

Apakah faedah menyertai Pemangkin Impak?

Selain daripada mendapat capaian kepada kandungan tersuai dan kurikulum pembangunan, anda juga akan memperolehi faedah berikut:

- Dapat berhubung dengan pakar dari sektor tertentu dan/ atau mentor tempatan dan dari kawasan serantau
- Setiap organisasi yang menyertai akan menerima imbuhan bulanan bernilai RM1000
- Setiap peserta akan menerima sokongan dan pek sokongan bernilai sehingga RM500 untuk memudahkan penyertaan dalam Pemangkin Impak.
- Mendapat peluang untuk Sokongan Pasca Pemangkin tertakluk kepada prestasi pada *Demo Day*.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

**Maklumat
Tambahan**

<https://www.mymagic.my/sica>

**Agensi
Pelaksana**

[Malaysian Global Innovation
and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Fasa 3 Sokongan Pasca Pemangkin



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Apakah Sokongan Pasca Pemangkin?

Setelah melengkapkan Program Pemangkin Impak, peserta akan dijemput untuk membuat pembentangan mengenai penyelesaian yang telah diperhalusi kepada pelabur, penaja pernyataan masalah dan para jemputan lain.

Sokongan Pasca Pemangkin adalah penglibatan dari penaja pernyataan masalah berdasarkan kepada budi bicara mereka untuk terus memberi sokongan kepada peserta yang berpotensi tinggi yang telah menunjukkan prestasi yang baik semasa *Demo Day* melalui:

- Pembangunan geran;
- Peluang pelaburan;
- Penerimagunaan korporat untuk inkubasi langsung, bimbingan dan/ atau rangkaian; dan/ atau
- Sokongan dalam bentuk tajaan seperti bimbingan daripada mentor, sokongan perkhidmatan perniagaan, dan sebagainya

Sokongan seperti yang dinyatakan boleh juga diperolehi daripada pelabur atau para jemputan yang menghadiri *Demo Day* tertakluk kepada prestasi peserta pada hari tersebut.

Untuk memberi lebih banyak insentif, penaja pernyataan masalah dan pelabur lain boleh menerimaguna atau menginkubasikan penyelesaian berpotensi, MaGIC akan menyediakan geran padanan kepada peserta yang berjaya mendapat sebarang sokongan pasca pemangkin. Geran padanan tersebut mempunyai nisbah 1:1. Kelulusan geran padanan adalah tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh MaGIC. Walau bagaimanapun, dana geran padanan keseluruhan yang tersedia adalah terhad maka ia akan diagihkan berdasarkan kepada “siapa cepat dia dapat”. Maklumat lanjut akan diberikan selepas program Pemangkin Impak selesai dijalankan.



Maklumat Ringkas

Hubungi kami

03 8324 4801

socialimpact@mymagic.my

Maklumat Tambahan

<https://www.mymagic.my/sica>

Agensi Pelaksana

[Malaysian Global Innovation and Creativity Centre \(MaGIC\)](#)

Bagaimana saya boleh menyertai Sokongan Pasca Pemangkin?

Ia bergantung kepada prestasi anda pada *Demo Day*, organisasi anda mungkin akan dipilih oleh penaja pernyataan masalah kepada Cabaran Impak yang telah anda pilih untuk Sokongan Pasca Pemangkin di mana ia mungkin merangkumi pelaburan, geran, penerimgunaan dan/ atau sokongan bukan kewangan. Untuk maklumat lanjut, sila layari [laman web SICA](#).

Tiada kelayakan yang dinyatakan untuk fasa ini kerana ia bergantung kepada prestasi anda semasa *Demo Day*.

Apakah sokongan lain yang boleh saya dapat pada fasa Pasca Pemangkin Impak?

Setetelah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, organisasi anda mungkin layak untuk mendapatkan sokongan tambahan yang telah disusun oleh MaGIC dan rakan kerjasama MaGIC untuk pembinaan kapasiti, pasaran dan peluang rangkaian:

- Bantuan langsung untuk menyertai Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK) bagi meningkatkan peluang perolehan. Maklumat lanjut kriteria akan tersedia di <https://www.mymagic.my/ppisk/en>
- Peluang peyaluran kepada National Technology & Innovation Sandbox (NTIS) bagi mengkomersialkan lagi Teknologi anda. Maklumat lanjut kriteria akan tersedia di <https://sandbox.gov.my/>
- Peluang untuk disalurkan kepada Global Market Fit Programme (GMP) untuk peluang pengembangan serantau. Maklumat lanjut kriteria akan tersedia di <https://www.mymagic.my/gmp>
- Capaian kepada MaGIC's Digital Business Academy di <https://www.mymagic.my/online-academy/dba>